



LAPORAN TAHUNAN

Institut Kualiti & Pengembangan Ilmu
2016

LAPORAN TAHUNAN

Institut Kualiti & Pengembangan Ilmu
2016

KANDUNGAN

Bab 1	Pendahuluan	4
Bab 2	Aktiviti Kualiti	5
Bab 3	Sistem Kualiti Universiti	8
Bab 4	Kecemerlangan Operasi	10
Bab 5	Web Media dan Media Sosial	12
5.1	Dasar Pengurusan Laman Web Universiti Edisi 2016 dan Dasar Media Sosial Universiti....	12
5.2	Penggunaan Perisian SOCIO.....	12
5.3	Pelancaran Laman Web UiTM yang baharu...	13
Bab 6	Penarafan Universiti	14
6.1	Pencapaian Penarafan.....	14
6.2	12th QS Apple Conference and Exhibition.....	16
6.3	Pembangunan Pangkalan Data (Sistem UiRIS).....	16
Bab 7	Penilaian Kendiri (COPIA)	16
Bab 8	Inovasi dan Kreativiti	18
8.1	KIK Peringkat IPTA.....	18
8.2	Konvensyen KIK Peringkat Zon UiTM.....	18
8.3	Konvensyen KIK Peringkat UiTM.....	20
Bab 9	Penilaian Kecemerlangan	21
Bab 10	Penutup	25

BAB 1 Pendahuluan

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) bertanggungjawab ke atas perihal kualiti di Universiti Teknologi MARA. Sebagai pusat pengurusan kualiti, InQKA mengurus serta menjadi pemangkin kepada aktiviti berkaitan kualiti yang dijalankan bukan sahaja di peringkat kampus induk dan fakulti di Shah Alam, waima di peringkat kampus negeri serta cawangannya, demi memastikan kepatuhan keseluruhan universiti kepada i) *Code of Practice for Institutional Audit (COPIA)*, ii) *Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA)*, iii) ketetapan badan-badan profesional serta iv) keperluan ISO 9001.

Meneruskan legasi jaminan kualiti, InQKA kekal bertindak sebagai penyelarar utama atau sekretariat universiti bagi urusan audit Pensijilan ISO9001:2008 di peringkat korporat oleh badan pensijilan LRQA; menyelaras urusan penganugerahan kualiti di peringkat universiti iaitu Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) dan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), di samping meneruskan lain-lain portfolio berkaitan kualiti. Pada tahun 2016 InQKA memberi fokus kepada beberapa projek *Headline* KPI universiti yang bertujuan untuk i) menambahbaik proses di peringkat operasi bagi seluruh sistem UiTM melalui projek *Operational Excellence (OE)*, ii) meningkatkan reputasi UiTM menerusi inisiatif Penarafan Universiti (QS dan THE), dan iii) Inisiatif ketampakan UiTM dipentas digitalisasi global menerusi Pemantapan Web Media UiTM.

Laporan ini memerihalkan aktiviti-aktiviti kualiti sepanjang tahun 2016 yang dikendalikan InQKA dengan memberi penekanan kepada perincian mengikut fokus: Bab 1; Bab 2.

BAB 2 Aktiviti Kualiti

Selaras dengan pemantapan tadbir urus UiTM di bawah program Trans4U, peranan InQKA sebagai pusat kualiti universiti telah berjaya menguruskan aktiviti-aktiviti yang menjurus kepada merealisasikan tadbirurus kualiti universiti seperti berikut:

Jadual 1: Senarai Aktiviti Kualiti InQKA

BIL	AKTIVITI	TARIKH	Bilangan Peserta
1.	Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan Bil. 1 Tahun 2016	6 Januari 2016	16 Orang
2.	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kualiti Ke-2 Bil 1 Tahun 2016	17 Mac 2016	41 Orang
3.	Audit Pematuhan (SV4 & SV5) MS ISO 9001:2008 oleh Lloyd's Register Quality Assurance (LRQA)	14 – 15 Januari 2016.	35 Orang
4.	Roadshow Penarafan Universiti ke 10 Fakulti	27-28 Januari 2016	30 Orang
5.	<i>Briefing on University Ranking: Understanding the Approach</i>	29 Januari 2016	
6.	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu KIK (JPKIK)	4 April 2016	20 Orang
7.	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Web Media (JPWM)	9 Mei 2016	65 Orang Sesi Pagi 69 Orang Sesi Petang
8.	Mesyuarat Rakan Strategik Penarafan Universiti 2017	13 Mei 2016	65 Orang Jemputan
9.	Mesyuarat Jawatankuasa Induk Kualiti Universiti (JKIQU)	24 Jun 2016	30 Orang
10.	Audit Pensijilan Semula MS ISO 9001:2008 oleh Lloyd's Register Quality Assurance (LRQA)	29 Jun – 1 Julai 2016	46 Orang
11.	Dialog Bersama PNC InQKA di UiTM Seremban 3	3 Jun 2016	
12.	Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Semula Pengurusan	15 November 2016	19 Orang
13.	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu KIK	30 November 2016	36 Orang

Seramai 472 orang warga yang menghadiri program ini telah menerima impak/kesan daripadanya.

Nota: SV (Surveillance Audit)

Buat julung-julung kalinya InQKA telah menerima lawatan penendarasan dan penempatan *Work Attachment* dari dalam dan luar negara pada tahun 2016.

**Jadual 2: Senarai Lawatan Penendaras dan
Work Attachment di InQKA**

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1.	Lawatan Penandaarasan oleh Jazan Universiti, Arab Saudi	4 Ogos 2016
2.	Lawatan Pemerhatian Penilaian Luar Oleh Pegawai Jaminan Kualiti Afghanistan dan Thailand ke UiTM Shah Alam	27 September 2016
3.	Lawatan Rasmi Pegawai Jaminan Kualiti Dari Jepun, Afghanistan dan Thailand Ke UiTM Shah Alam	28 September 2016
4.	Work Attachment 2016/2017 pegawai MQA	24 – 28 Oktober 2016

InQKA juga mendapat jemputan untuk berkongsi pengalaman menerusi program latihan, bengkel dan seminar; PNC telah dijemput untuk berkongsi di:

- 1) SIEQA 2016
- 2) MQ IN QAHE 2016
- 3) Latihan Audit Dalam kepada 28 orang staf akademik UMT
- 4) Latihan COPIA/COPPA 2016 anjuran INTEC

Pensijilan ISO9001:2008 UiTM telah diperbaharui berkuat kuasa dari 2 Ogos 2016 hingga 14 September 2018. Tahun 2017 akan menyaksikan InQKA bekerja dengan gigit bersama-sama Jabatan/Bahagian/Unit yang berkaitan untuk peralihan dari ISO9001:2008 kepada ISO9001:2015.



CERTIFICATE OF APPROVAL

Ini adalah untuk mengesahkan bahawa Sistem Pengurusan Kualiti:

**Pejabat Canseleri, UiTM
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor
Malaysia**

telah diluluskan oleh Lloyd's Register Quality Assurance kepada
Piawaian-piawaian Sistem Pengurusan Kualiti Berikut:

**ISO 9001:2008
EN ISO 9001:2008
BS EN ISO 9001:2008
MS ISO 9001:2008**

Sistem Pengurusan Kualiti tersebut merangkumi:

Pengurusan korporat institusi pengajian tinggi.

Sijil ini merupakan sebahagian dari persijilan kelulusan bernombor KLR 0404089.

No. Sijil
Kelulusan : KLR 0404089 C.

Kelulusan Asal: 02 Ogos 2004

Sijil Semasa: 02 Ogos 2016

Sijil Tamat: 14 September 2018

Dikeluarkan Oleh: Lloyd's Register of Shipping (M) Bhd



MS ISO/IEC 9001:2008
08 1303097 08 08

Lloyd's Register of Shipping (M) Bhd (11228-K), Level 20, Tower A, Nexus Tower Platinum Park, No. 10, 50088 Persiaran P.K.C., Kuala Lumpur, Malaysia
The use of the (LR) logo and the Lloyd's Register Quality Assurance logo is a mark of approval in respect of their activities covered by the Accreditation Certificate Number (Q) 1252207 (3) 08
Lloyd's Register is not liable for any loss or damage, including consequential loss, arising from the use of the (LR) logo or the Lloyd's Register Quality Assurance logo. The use of the (LR) logo or the Lloyd's Register Quality Assurance logo is a mark of approval in respect of their activities covered by the Accreditation Certificate Number (Q) 1252207 (3) 08
Lloyd's Register Quality Assurance is not responsible and will not be liable in any way for any loss, damage or expense caused by reliance on the information or advice in this document or for any loss or damage caused by reliance on the information or advice in this document or for any loss or damage caused by reliance on the information or advice in this document.

Rajah 1: Sijil ISO9001:2008 Pejabat Canseleri UiTM

BAB 3 Sistem Kualiti Universiti

UiTM menggunakan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) Bersepadu yang mengambilkira keperluan COPIA dan ISO 9001:2008. Skop pelaksanaan SPK UiTM terdiri dari semua peringkat pengajian dan bidang tumpuan yang merangkumi penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran, perkhidmatan dan penglibatan masyarakat & kelestarian.

Untuk memantapkan lagi SPK sedia ada, Sistem Pengurusan Kualiti Versi Kedua telah dilaksanakan bermula dari Oktober 2014 sehingga September 2016. Lebih dari 80% PTJ telah berjaya menyediakan dan memantapkan SPK masing-masing dengan memastikan manual, prosedur dan dokumen kualiti diselenggara dengan baik. Audit Dalam juga dilaksanakan oleh lebih dari 80% PTJ. Bilangan staf yang diberikan latihan berkaitan SPK adalah seramai 764 orang semuanya.

Pada bulan November 2015, versi baru ISO 9001:2015 telah diperkenalkan. Sebagai persediaan melangkah ke versi ini, InQKA telah mengadakan beberapa siri latihan dan taklimat kepada staf di seluruh UiTM sepanjang tahun 2016. Kursus dan bengkel telah diberikan kepada Ketua Jabatan, Ketua Unit Kualiti serta Wakil Pengurusan semua PTJ. Manakala satu taklimat diadakan untuk Pengurusan Atasan berkaitan peranan mereka dalam peralihan ke arah ISO 9001:2015. Kerja-kerja penyediaan dokumen yang memenuhi keperluan ISO 9001:2015 dijadualkan bermula pada Februari-Jun 2017 untuk bahagian korporat manakala untuk PTJ lain dari Februari-November 2017.

Jadual 3: Aktiviti Sistem Pengurusan Kualiti sepanjang tahun 2016

BIL.	AKTIVITI	TARIKH	BILANGAN PESERTA
1.	Bengkel Peralihan ISO 9001:2015 - Untuk Ketua InQKA dan Pegawai yang bertanggungjawab ke atas proses-proses utama universiti	22/02/16 - 23/02/16	25
2.	Kursus Audit Dalam Bil. 1 di UiTM Cawangan Terengganu	21/02/2016 – 3/02/2016	33
3.	Kursus Audit Dalam Bil. 2 di UiTM Kampus Shah Alam	01-03/2016 -03/03/2016	27
4.	Bengkel Pemantapan Dokumen Kumpula Inovatif dan Kreatif (KIK)	07/03/2016	35
5.	Kursus Peralihan ISO 9001:2015 - Untuk Ketua Unit Kualiti	15/03/16 - 16/03/16	39
6.	Kursus Audit Dalam Bil. 3 di UiTM Cawangan Kelantan	27/03/16 – 29/03/2016	53
7.	Kursus <i>Transition To ISO 9001:2015 For Management Representatives - Toward Operational Excellence</i>	14/04/2016	35
8.	Kursus <i>Top Management's Role Towards Operational Excellence - Transition ISO 9001:2015</i>	03/05/2016	61
9.	Kursus Audit Dalam Bil. 4 di UiTM Cawangan Melaka	09/05/16 – 11/05/16	44
10.	Kursus Audit Dalam Bil. 5 di UiTM Kampus Shah Alam	23/05/16 - 25/05/162016	39
11.	Transition To ISO9001:2015 Workshop <i>For Administration And Staff Of UiTM Cawangan Kelantan</i>	17/07/16 - 18/07/16	72
12.	Transition To ISO 9001:2015 Pejabat Pembangunan Infrastruktur & Infrosuktur UiTM	20/07/2016	25
13.	Kursus Sistem e-Pelaporan Audit Dalam UiTM (SePADU) Bagi Pusat Akademik, Bahagian Dan Kampus	25/07/2016	27
14.	Kursus Sistem e-Pelaporan Audit Dalam UiTM (SePADU) Bagi Fakulti	26/07/2016	25
15.	<i>Transition To ISO 9001:2015 Workshop For Administrator And Staff Of UiTM Cawangan Kedah</i>	26/07/16 - 27/07/16	77
16.	Kursus Audit Dalam Bil 6 di UiTM Kampus Shah Alam	26/07/16 – 28/07/16	25
17.	Latihan Membangun Penilai Jabatan Berasaskan Garis Panduan COPIA (MQA, 2007)	23/08/16 - 24/08/16	40
18.	Kursus Kawalan Dokumen 1	04/10/2016	29
19.	Kursus Kawalan Dokumen 2	05/10/2016	28
20.	Taklimat ke Arah ISO 9001:2015 UiTM Cawangan Selangor	7/11/2016	25
JUMLAH			764

BAB 4 Kecemerlangan Operasi

Melalui MEU Bil 8/2016 pada 23 Mac 2016, Unit Kecemerlangan Operasi (OE) telah diwujudkan berkuatkuasa mulai 1 Mei 2016 dengan menaik taraf skop tugas Ketua Pengurusan Kualiti kepada Pengarah Sistem Kualiti & Kecemerlangan Operasi di InQKA. Ia bertujuan untuk memastikan kecemerlangan operasi diberi keutamaan di UiTM. Ianya sangat penting untuk meningkatkan prestasi universiti dari segi operasi dan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. Keberkesanan proses hasil dari penambahbaikan proses yang dilakukan dapat diukur berdasarkan penjimatan samada dari segi kos, masa, dan juga penggunaan sumber yang lain.

Terdapat beberapa aktiviti utama dalam usaha membangunkan kecemerlangan operasi universiti yang terdiri daripada pembentukan pasukan pelatih, komunikasi dan penubuhan pasukan OE, latihan untuk OE, membangunkan sistem '*on line process improvement register*' (OPIR), mengenalpasti dan merekod proses dan proses untuk penambahbaikan, mengukur prestasi proses semasa, menambahbaik proses, mengukur keberkesanan proses yang ditambahbaik, dan akhir sekali melaksana proses yang ditambahbaik. Perlaksanaan inisiatif kecemerlangan operasi UiTM akan menggunakan pendekatan '*DMAIC*' *Six Sigma*. Keseluruhan proses ini dijangka siap pada November 2017.

Seramai lebih kurang 130 orang staf yang terdiri daripada Ketua Unit Kualiti dan Pelatih OE telah dilatih tentang pelaksanaan kecemerlangan operasi dan '*tools*' yang digunakan untuk penambahbaikan proses seperti *Pareto Diagram*, *Fishbone Chart*, *Check Sheet*, *Value Stream Mapping*, *Flow Chart*, *Process Mapping* dan juga *Service Blue Printing*. Mereka pula melatih '*Excellence Team*' di PTJ masing-masing yang kini berjumlah lebih kurang 900 orang (40% dari warga UiTM).

BIL.	AKTIVITI	TARIKH	BILANGAN PESERTA
1.	Taklimat Pelaksanaan Kecemerlangan Operasi / <i>Operational Excellence</i> (OE) kepada Pengurusan Atasan	24 Ogos 2016	60 orang
2.	Kursus 'Operational Excellence Through Process Improvement' (OPEX) – Sesi 1	19 – 20 September 2016	33 orang
3.	Kursus 'Operational Excellence Through Process Improvement' (OPEX) – Sesi 2	21 – 22 September 2016	26 orang
4.	Kursus 'Operational Excellence Through Process Improvement' (OPEX) – Sesi 3	26 – 27 September 2016	25 orang
5.	Kursus 'Operational Excellence Through Process Improvement' (OPEX) – Sesi 4	28 – 29 September 2016	43 orang
6.	Bengkel Sistem 'Online Process Improvement Register' (OPIR) – Sesi 1	4 Oktober 2016	22 orang
7.	Bengkel Sistem 'Online Process Improvement Register' (OPIR) – Sesi 2	4 Oktober 2016	27 orang
8.	Bengkel Sistem 'Online Process Improvement Register' (OPIR) – Sesi 3	5 Oktober 2016	23 orang
9.	Bengkel Sistem 'Online Process Improvement Register' (OPIR) – Sesi 4	5 Oktober 2016	37 orang
JUMLAH			296 orang

Jadual 4: Senarai aktiviti Projek Kecemerlangan Operasi

BAB 5 Web Media dan Media Sosial

Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Universiti (JKE) UiTM Bil. 10/2015 telah meluluskan pemindahan fungsi Web Media UiTM dari Bahagian Canseleri Komunikasi dan Korporat ke InQKA. Pemindahan Web Media UiTM ke InQKA telah berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2015

5.1 Dasar Pengurusan Laman Web Universiti Edisi 2016 dan Dasar Media Sosial Universiti

Sepanjang tahun 2016 Jabatan Web Media InQKA telah memantapkan pengurusan Web Media UiTM. Dasar Pengurusan Laman Web Universiti Edisi 2016 dan Dasar Media Sosial Universiti telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) yang telah diadakan pada 7 September 2016.

5.2 Penggunaan Perisian SOCIO

Aplikasi SOCIO telah mula digunapakai pada bulan September 2016. Aplikasi ini mampu mengesan aduan-aduan yang disampaikan oleh para pelajar secara tidak rasmi di media sosial. Aplikasi ini juga mampu mengesan sebarang maklumbalas berkenaan UiTM oleh semua pihak sama ada pelajar, kakitangan dan orang awam sama ada dalam bentuk positif atau negatif.

Dengan adanya aplikasi ini, pihak UiTM berkemampuan untuk membendung sesuatu isu dengan segera sebelum ia menular dan tersiar di dalam media masa. Selain itu, ianya mampu membantu pihak pengurusan untuk merancang aktiviti yang bersesuaian dengan situasi terkini di media sosial. Ia juga sebahagian dari inisiatif meningkatkan "*visibility*" UiTM di persada dunia. Pihak SOCIO mengadakan latihan untuk InQKA membangunkan strategi digital yang tepat dan berkesan kepada mencorakkan pembudayaan

5.3 Pelancaran Laman Web UiTM yang baharu

Laman web baharu UiTM telah dilancarkan pada 8hb Disember 2016 di Dewan Agung Tuanku Canselor, UiTM oleh YBhg. Prof Emeritus Dato' Dr Hassan Said, Naib Canselor UiTM. Laman web baharu ini mula boleh digunakan pada 4hb Januari 2017.

Laman web baharu UiTM berjaya memberikan wajah baru yang lebih segar dan menarik. Kriteria-kriteria laman web dan kandungan laman web juga telah ditambahbaik. Laman web baharu UiTM akan dijadikan laman web contoh kepada semua laman web pusat tanggungjawab UiTM. Penambahbaikan ini dibuat berdasarkan hasil pandangan soal selidik yang dibuat pada bulan April sehingga Jun 2016.

Laman web baharu UiTM yang dibangunkan ini adalah selari dengan perkembangan laman web masakini. Ia memberikan satu momentum atau impak yang positif kepada warga UiTM khususnya dan masyarakat luar amnya. Dengan ini, laman web baharu UiTM menjadi alat yang menyokong dan berkeupayaan merealisasikan UiTM menjadi sebuah universiti yang tersohor di mata dunia dengan mengamalkan pengurusan secara digital.



Rajah 2:
Majlis pelancaran laman web UiTM yang baharu

BAB 6 Penarafan Universiti

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) merupakan bahagian yang diberi mandat untuk mengurus kompilasi data dari semua fakulti dan beberapa jabatan penting untuk dikemaskini, dimuatnaik, dilapor dan dipantau pencapaian keputusan penarafan universiti oleh badan-badan penarafan. Badan-badan penarafan yang dimaksudkan adalah penarafan QS (*QS World University Ranking*, *QS Asian University Ranking*, *QS World University Ranking By Subject*, *QS Star Rating*), penarafan *Times Higher Education* (*THE World University Ranking* dan *THE World University Ranking By Subject*), penarafan SETARA dan D'SETARA oleh MQA.

Penarafan Universiti ini juga adalah merupakan salah satu *Headline KPI* untuk semua universiti seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi, Malaysia. Bagi mencapai tujuan ini, Projek Transformasi UiTM (Trans4U) – Penarafan Universiti telah mensasarkan kedudukan UiTM untuk setiap badan penarafan sehingga tahun 2018. Pihak InQKA juga bertanggungjawab membantu Pusat-pusat Tanggungjawab untuk membina strategi untuk mencapai sasaran tersebut.

6.1 Pencapaian Penarafan

Keputusan QS *By Subject* yang dikeluarkan pada 22 Mac 2016 telah menunjukkan UiTM memperbaiki kedudukan dengan memperolehi 5 subjek disenaraikan untuk tahun 2016 berbanding 3 subjek bagi tahun 2015.



Rajah 3: Pencapaian semasa penarafan universiti

Bagi penarafan QS STARS pula, UiTM telah memperoleh 5 bintang untuk kriteria Pengajaran, Fasiliti dan Inovasi, 4 bintang untuk kriteria Keboleh pasaran, 3 bintang untuk Pengantarabangsaan, dan Senibina/ *Build Environment* dan 2 bintang untuk kriteria Penyelidikan dan Tanggung Jawab Sosial. Secara keseluruhan UiTM telah memperoleh 3 bintang untuk penarafan QS STARS. Pengiktirafan ini telah disampaikan oleh Mandy Mok, CEO QS kepada Penolong Naib Canselor di satu sesi ringkas semasa APPEL 12 di PWTC pada November 2016.



Universiti Teknologi MARA

The QS Intelligence Unit has, through rigorous and independent data collection and analysis of performance metrics as set out in the QS Stars™ methodology, rated Universiti Teknologi MARA as a Three Stars institution.



The QS Stars™ rating system is operated by the QS Intelligence Unit, the independent compiler of the QS World University Rankings™ since 2004. The system evaluates universities across a wide range of important performance indicators as set against pre-established international standards. By covering a broader range of criteria than any world ranking exercise, QS Stars™ shines a light on both the excellence and the diversity of the rated institution.

CATEGORY	STAR RATING
Teaching	★★★★★
Employability	★★★★
Research	★★★
Internationalization	★★★
Facilities	★★★★★
Innovation	★★★★★
Social Responsibility	★★★
Architecture/Build Environment	★★★
Overall	★★★

Ben Sowter - Head of QS Intelligence Unit

QS Stars™ - © 2016 QS Intelligence Unit (a division of QS Quacquarelli Symonds Ltd)



Rajah 4: Pencapaian penarafan QS STARS

6.2 12th QS Apple Conference and Exhibition

12th QS Apple Conference and Exhibition (QS-APPLE) anjuran QS Asia telah diadakan di Putrajaya International Convention Centre (PICC) pada 22 hingga 24 November 2016. UiTM telah menghantar delegasi seramai lapan (8) orang ke 12th QS-APPLE. Selain daripada terlibat dengan pameran sepanjang program, UiTM juga telah menghantar penyertaan dalam pertandingan Creative Awards yang dipertandingkan. Walau pun UiTM tidak memenangi sebarang anugerah, penyertaan UiTM telah meningkatkan *visibility* UiTM dipersada antarabangsa.

Berikut adalah senarai anugerah yang telah dipertandingkan:

- i. *Best International Print Advertisement*
- ii. *Most Creative Corporate Institution Video*
- iii. *Best International Student Recruitment Brochure*
- iv. *Best International Website Page*
- v. *Most Creative Exhibition Booth*

Di tahun hadapan UiTM akan mengemaskini strategi untuk memenangi pertandingan ini.


6.3 Pembangunan Pangkalan Data (Sistem UiRIS)

Hasil daripada Bengkel Pembinaan Pangkalan Data Penarafan 2017, pembangunan Sistem UiRIS telah dimulakan. Kerja-kerja pembangunan sistem UiRIS sedang giat dijalankan dengan kerja sama pihak Jabatan Infostruktur. Modul 1 sistem UiRIS dijangka siap pada bulan Mac 2017. Ini akan disusuli dengan pembangunan Modul 2 sistem UiRIS yang akan merangkumi keperluan data semua jenis penarafan tersebut termasuk MyRA yang dikendalikan oleh IRMI.

BAB 7 Penilaian Kendiri (COPIA)

Penilaian Luar (*External Review*) InQKA kini di peringkat akhir kitaran ketiga bagi tempoh 2015/2016. Di dalam kitaran ini, verifikasi ke atas penemuan ERR2 (*External Review Report Cycle 2*) dibuat termasuk penemuan ERR1 (*External Review Report Cycle 1*) yang masih tertangguh. Verifikasi terhadap tindakan yang diambil dikategori mengikut status: *Resolved*, *Unresolved* dan *Action in progress*. Skop penilaian pula adalah pelaksanaan dan keberkesanan sistem jaminan kualiti pusat akademik dalam memenuhi keperluan COPIA serta pelaksanaan dan penyelenggaraan berterusan serta keberkesanan Sistem Pengurusan Kualiti selaras dengan keperluan ISO9001:2008 seperti yang dinyatakan di dalam manual kualiti pusat akademik.

Sepanjang tahun 2016 sebanyak 19 pusat akademik telah dinilai. Hasil penilaian tersebut mendapati sistem jaminan kualiti di pusat akademik di UiTM masih kekal dan kukuh.



Rajah 5: Jadual Penilaian Luar 2016 (Kitaran 3)

BAB 8 Inovasi dan Kreativiti

Tumpuan kepada ide, pembelajaran, perkongsian ilmu dan penciptaan nilai menerusi strategi pengenalpastian dan penyelesaian masalah, teknik-teknik penganalisan serta penghasilan ide-ide baharu yang kreatif dan inovatif menjurus kepada penghasilan berkualiti yang dapat dinikmati dengan ketara dan secara meluas serta memberi impak kepada sistem penyampaian perkhidmatan UiTM, khususnya dan mampu menyumbang kepada pertumbuhan dan pengukuhan ekonomi negara.

8.1 KIK Peringkat IPTA

Sebanyak 4 kumpulan Inovatif & Kreatif telah terpilih untuk mewakili UiTM ke Konvensyen KIK peringkat Universiti Awam 2016. Kumpulan-kumpulan ini merupakan antara kumpulan IK terbaik yang telah berjaya dalam Konvensyen KIK peringkat UiTM kali ke-20 tahun 2015. Berikut merupakan pencapaian kumpulan yang bertanding:

Jadual 5: Jadual Penarafan Kumpulan IK di Peringkat IPTA

KUMPULAN	KAMPUS	PENARAFAN
AKAL	UiTM PERLIS	EMAS
FASTMAX	UiTM KELANTAN	EMAS
KRISTAL	UiTM PULAU PINANG	PERAK
GEN'S 5S	UiTM PERAK	PERAK

Jadual 6: Jadual Penganugerahan Peringkat IPTA

ANUGERAH	PENERIMA	KAMPUS
ANUGERAH FASILITATOR TERBAIK	EN ZULKIFLI ASWAN	UiTM PERLIS

8.2 Konvensyen KIK Peringkat Zon UiTM

Projek-projek KIK yang baharu dihasilkan pada tahun 2016 telah dipertandingkan diperingkat Zon.

Rajah 6: Jadual Penganjuran KIK Peringkat Zon UiTM

PEMAKLUMAN AWAL



PENGANJURAN KONVENSYEN KIK PERINGKAT ZON 2016

Zon	PTJ / Penganjur	Tarikh	Pegawai Bertanggungjawab	Zon	Kampus	Penyelaras	
Timur	UiTM Dungun, Terengganu	25-26 September 2016	Dr Nurul Nadwan Binti Aziz (019-932 7081)	Utara	Perlis	En Zulkifli Bin Aswan	019-8583112
					Kedah	En Muhamad Hafis Bin Ramli Pn Norafiza Binti Mohd Hardi	012-4010503 013-5252039
Tengah	Fakulti Pendidikan, UiTM Puncak Alam	28 September 2016	En Syed Harun Bin Said Mohd (012-960 2967)		Pulau Pinang	Dr Ahmad Sufian Bin Abdullah	019-5112204
					Perak	Pn Jamilah Binti Md Yusoff	019-5572077
Sarawak	UiTM Sarawak	05 Oktober 2016	En Mohamad Farizan Bin Jamil (016-869 4496)	Selatan	Negeri Sembilan	En Ahmad Zuber Bin Mohamed	016-3567276
					Melaka	En Shamsol Bin Shafie	019-2112399
Sabah	UiTM Sabah	06 Oktober 2016	Pn Sairah Binti Saeni (016-680 0148)		Johor	En Muhammad Asyraf Bin Wahi Anuar	012-5295785
					Timur	Pahang	En Nik Hazlan Bin Nik Hashim
Utara	UiTM Pulau Pinang	18-19 Oktober 2016	Dr Ahmad Sufian Bin Abdullah (019-311 2204)		Tengah	En Nurul Nadwan Binti Aziz	019-9327081
						Kelantan	En Husaini Bin Ab Razab
Selatan	UiTM Melaka	25 Oktober 2016	En Shamsol Bin Shafie (019-211 2399)		Sabah	Pn Hairina Binti Ahmad Bakri	019-3536769
						Sarawak	Pn Sairah Binti Saeni
						En Mohamad Farizan Bin Jamil	016-8694496

*Silalahubungi Penyelaras KIK masing-masing bagi mendaftarkan kumpulan dan projek anda di portalkik.uitm.edu.my bagi tujuan dipertandingkan di Konvensyen KIK peringkat Zon 2016



8.3 Konvensyen KIK Peringkat UiTM

Buat julung kalinya Konvensyen KIK Peringkat UiTM telah dianjurkan oleh InQKA sendiri. Konvensyen KIK Peringkat UiTM kali ke-21 telah berjaya diadakan di Institut Kepimpinan dan Pembangunan (ILD), UiTM, Bandar Enstek, Negeri Sembilan. Konvensyen ini telah dirasmikan oleh YBhg Prof Emeritus Dato' Dr. Hassan Said, Naib Canselor UiTM. Konvensyen ini disertai oleh kumpulan-kumpulan IK yang telah berjaya melepasi konvensyen di peringkat Zon (Zon Utara, Selatan, Timur, Tengah, Sabah dan Sarawak). Penyertaan terhad kepada **20 kumpulan** sahaja.

Rajah 7: Bilangan kumpulan bagi setiap zon yang terpilih ke konvensyen KIK Peringkat UiTM



Buat pertama kalinya juga, pertandingan **KIK All Stars** telah diadakan bagi mengiktiraf projek-projek KIK yang telah dihasilkan sejak tahun 2005 sehingga kini dan berimpak tinggi. Penyertaan yang diterima amat memberansangkan. Terdapat 36 penyertaan daripada seluruh UiTM. Kumpulan yang berjaya mengungguli anugerah ini buat pertama kalinya adalah **Kumpulan INFO-10** daripada UiTM Johor. Kumpulan ini telah menghasilkan produk yang diberi nama MyDocShelves yang merupakan satu produk yang mendigitalkan dokumen konvo dan dimuatnaik sebagai aplikasi digital yang mampu dicapai secara mudahalih.

BAB 9 Penilaian Kecemerlangan

Anugerah Kualiti UiTM telah mula diperkenalkan sejak tahun 1994. Pada awalnya, hanya 12 anugerah sahaja dipertandingkan. Akan tetapi, jumlah anugerah yang dipertandingkan telah berubah dari tahun ke tahun, sesuai dengan tumpuan dan pendekatan kualiti yang dirancang.

Amnya, anugerah ini diperkenalkan untuk memberi pengiktirafan kepada gerakan kualiti yang menyeluruh khususnya di kalangan warga dan jabatan UiTM sendiri. Ringkasnya, anugerah ini merupakan satu penghargaan kepada jabatan dan warganya yang berusaha kearah kecemerlangan dan membudayakan pengurusan yang berkualiti.

Walau bagaimanapun, memenangi anugerah semata-mata bukan matlamat penganugerahan. Menambahbaik pengurusan dari masa ke semasa dan mengamalkan budaya kualiti menyeluruh akan secara tidak langsung meningkatkan nilai dan kualiti kerja yang berterusan.

Selaras dengan semangat untuk meningkatkan nilai dan kualiti kerja warga universiti secara berterusan, skop pelaporan Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) telah ditambahbaik. Skop pelaporan telah difokuskan kepada bidang tumpuan yang lebih spesifik. Bidang tumpuan adalah mengikut kepada teras unit/jabatan/fakulti/kampus iaitu samada i) pengajaran & pembelajaran, ii) penyelidikan dan penerbitan, iii) jaringan industri dan/atau iv) perkhidmatan. Pusat tanggung jawab harus melaporkan aktiviti yang dijalankan dan pencapaian prestasi bagi jangkamasa 2011-2015 mengikut kepada perancangan strategik bagi bidang tumpuan yang dipilih.

Rajah 8: Perubahan AKNC Tahun 2016

PENAMBAHBAIKAN/PERUBAHAN AKNC 2016



Penilaian Laporan AKNC: Kriteria & Markah

Rajah 9: Perubahan Kriteria dan Markah Penilaian Laporan AKNC 2016
2008 - 2015

KRITERIA	TAJUK	MARKAH
Kriteria Satu	KEPIMPINAN	120
Kriteria Dua	PERANCANGAN STRATEGIK	85
Kriteria Tiga	TUMPUAN PELANGGAN	85
Kriteria Empat	PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN	90
Kriteria Lima	TUMPUAN TENAGA KERJA	85
Kriteria Enam	TUMPUAN PROSES/ OPERASI	85
Kriteria Tujuh	HASIL	300
Kriteria Lapan	INOVASI	150
	JUMLAH	1,000

2016

KRITERIA	TAJUK	MARKAH
Kriteria Satu	KEPIMPINAN (Inovasi)	120
Kriteria Dua	PERANCANGAN STRATEGIK (Inovasi)	85
Kriteria Tiga	TUMPUAN PELANGGAN (Inovasi)	85
Kriteria Empat	PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN (Inovasi)	90
Kriteria Lima	TUMPUAN TENAGA KERJA (Inovasi)	85
Kriteria Enam	TUMPUAN PROSES/ OPERASI (Inovasi)	85
Kriteria Tujuh	HASIL (5 item hasil – 90 markah)	300 + (150)
	JUMLAH	1,000

Perubahan pada tahun 2016 adalah Kriteria Inovasi telah dikeluarkan sebagai item kriteria. Namun elemen inovasi telah ditambah kepada kriteria yang berkaitan seperti kepimpinan, pengukuran dan proses. Markah bagi Kriteria Inovasi telah di masukkan ke Kriteria Hasil.

Rajah 10: Perubahan agihan hadiah AKNC 2016

Hadiah AKNC 2016

2008 - 2015	2016
<p>Juara Keseluruhan RM20,000 Piala Pusingan</p>	<p>Juara Keseluruhan RM20,000 Piala Pusingan</p>
<p>Juara Kategori (Kampus/Fakulti/ Bahagian) RM5,000</p>	<p>Setiap Kategori (Kampus/Fakulti/ Bahagian) Juara RM9,000 Naib Juara RM7,000 Tempat Ketiga RM5,000</p>
<p>Setiap Kategori (Kampus/Fakulti/ Bahagian) 8 Kriteria RM2,000 (setiap kriteria)</p>	

Keputusan AKNC 2016 adalah seperti berikut:

Rajah 11: Pemenang AKNC 2016 Kategori Bahagian/Unit



Rajah 12: Pemenang AKNC 2016 Kategori Kampus Negeri



Rajah 13: Pemenang AKNC 2016 Kategori Fakulti



Rajah 14: Juara Keseluruhan AKNC 2016



Rajah 15: Anugerah Kolej Cemerlang 2016



BAB 10 Penutup

InQKA mempunyai 30 orang staf yang terdiri daripada seorang Penolong Naib Canselor, 2 orang Pengarah, 7 orang Ketua, 2 orang Koordinator dan 18 orang Staf Pentadbiran. Semua pengurusan aktiviti yang telah dirancang pada akhir tahun 2015 dilaksanakan dengan berpandukan kepada Kalendar Aktiviti InQKA 2016. Kalendar Aktiviti InQKA merupakan arahan kerja kepada semua staf InQKA dan membolehkan mereka bertindak dengan proaktif dalam memastikan kejayaan sesuatu aktiviti yang dirancang. InQKA turut mengamalkan perkongsian Doa Pagi oleh Penolong Naib Canselor InQKA melalui aplikasi WhatsApp yang bertujuan untuk memupuk nilai-nilai murni di kalangan warga InQKA. Ini diperkukuhkan lagi dengan pelaksanaan program-program yang mengukuhkan semangat keserakanan di kalangan warga InQKA seperti program Majlis Berbuka Puasa, Majlis Khatam Al-Quran, Majlis Jamuan Hari Raya, Majlis Sanjungan Budi Lambaian Kasih dan Program Perancangan Strategik InQKA. Secara keseluruhan tahun 2016, InQKA berjaya menguruskan bajet dengan baik (varian kurang daripada 10%) dalam melaksanakan aktiviti yang dirancang dan hanya tiga daripada 100 aktiviti yang disenaraikan di dalam kalendar yang tidak dapat dilaksanakan. Kesemua aktiviti InQKA adalah inisiatif yang terbit atau boleh dipetakan kepada sebelas agenda RMK11 UiTM dan teras pada Pelan Perancangan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi).

Warga Kerja
Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)



Prof Hajah Dr.
Roziah Mohd Janor
**Penolong Naib
Canselor**



Prof Madya
Roslina
Mohamed Nawawi
**Pengarah
Web Media**



Prof Madya Dr.
Roslina Ab. Wahid
**Pengarah
Sistem Kualiti &
Kecemerlangan
Operasi**



Prof Madya
Rosmawati
Abdul Halim
**Ketua
Penilaian Kendiri/
Audit**



Dr. Nornizar
Anuar
**Ketua Pencapaian
& Penarafan**



Prof Madya
Juridah Atin
**Ketua
Projek Khas**



Puan Hairani
Wahab
**Ketua
Kecemerlangan
dan Amalan
Terbaik**



Dr. Aida Firdaus
Muhammad Nurul
Azmi
**Ketua Inovasi
& Kreativiti**



Encik Mohd Yusof
Mustaffar
**Ketua
Media Sosial**



Encik Azizian
Mohd Sapawi
**Ketua
Laman Web**



Dr. Hayati
Abd Rahman
**Koordinator
Laman Web**



Norzuraiza Rina
Ahmad
**Koordinator
Perangsaraf Media
& Maklumat**



Dr. Nik Azlin
Nik Ariffin
**Koordinator
Inovatif & Kreativiti**



Fairuzah Zaharos
Mansor, A.M.N
**Penolong
Pendaftar Kanan**



Noor Azmah
Zuber
**Penolong
Pendaftar**



Syamseeziana
Nuruddin
Setiausaha



Siti Nor Juhirniza
Mior Mohd Tahir
**Penolong Pegawai
Teknologi
Maklumat**



Muhammad Riduan
Jamil
**Penolong Pegawai
Teknologi
Maklumat**



Fauzilah
Idris
**Penolong Pegawai
Teknologi
Maklumat**



Hairina
Ahmad Bakri
**Pegawai
Eksekutif**



Hanizan
Abd Samat
**Pegawai
Eksekutif**



Nurul Nadzirah
Ismail
**Pegawai
Eksekutif**



Noor Sazila
Md Sarip
**Penolong Pegawai
Penerbitan**



Norhasnida
Mohamad
**Penolong Pegawai
Penyelidik**



Mohd Izwan
Said
**Kerani
(Dokumen)**



Norazah
Mohamed Aznan
**Kerani
(Kewangan)**



Zulkifli
A. Rahman
**Kerani
(Operasi)**



Nor Nazifah
Abd Jamil
**Kerani
(Operasi)**



Nuryuhaini
Khamis@Miskin
**Kerani
(Operasi)**



M.Tuah
Samsudin
**Pembantu
Penerbitan**



Muhammad Zanjabil
Mat Janum
**Pembantu
Penerbitan**



Nik Rosali
Hasan
**Pembantu
Operasi**



LAPORAN TAHUNAN InQKA 2016

KONSEP, REKA BENTUK & TERBITAN

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)

Aras 5, Blok A, Bangunan Akademik 2,

Universiti Teknologi MARA,

40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Tel: +603-5543 5702 Faks: +603-5543 5721

Laman Web: <http://inqka.uitm.edu.my/main>